

## **BANK ISLAM KOMITED TERHADAP AGENDA PEMBIAYAAN MAMPAN, BERETIKA DAN BERTANGGUNGJAWAB**

Memacu pembiayaan hijau demi kemampanan masa depan

**KUALA LUMPUR, Khamis, 26 Disember 2024:** Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam atau Bank) terus mengorak langkah memacu pembangunan mampan dengan menzahirkan komitmen terhadap pemeliharaan alam sekitar dan pertumbuhan bertanggungjawab. Sebagai peneraju pembiayaan mampan patuh Syariah, Bank Islam bertekad untuk mempercepatkan pertumbuhan ekonomi hijau Malaysia di samping mencipta impak berpanjangan terhadap perniagaan, masyarakat dan alam sekitar.

Komitmen Bank Islam terhadap kemampanan dibuktikan melalui kejayaannya dalam pembiayaan hijau. Pada September 2024, Bank Islam telah melepasi sasaran awal RM4 bilion dengan mencatatkan RM4.8 bilion dalam pembiayaan hijau. Angka berkenaan jauh mendahului sasaran 2025 yang ditetapkan serta menonjolkan peranan Bank dalam memacu ekonomi hijau negara. Selaras dengan kejayaan ini, Bank Islam telah menetapkan sasaran lebih tinggi untuk meningkatkan portfolio pembiayaan mampannya kepada RM28 bilion menjelang akhir 2025.

Salah satu elemen utama dalam strategi kemampanan Bank Islam adalah Akaun Pelaburan Mampan Ihsan (ISIA) yang dilancarkan pada 2023. ISIA merupakan pendekatan transformasi dalam portfolio pelaburan pelbagai aset bukan runcit yang menyokong Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan selaras dengan Perubahan Iklim dan Taksonomi Berasaskan Prinsip (CCPT) Bank Negara Malaysia. Melalui ISIA, Bank Islam membuka peluang pelaburan dalam sektor penting seperti tenaga boleh diperbaharui, pengangkutan mesra alam, pembiayaan hijau, air bersih dan sanitasi serta pembangunan bandar mampan. Inisiatif ini membolehkan pelabur menyumbang kepada ekonomi hijau yang berimpak tinggi, serta memupuk ekonomi yang mesra alam dan memastikan ekosistem yang inklusif.

Bank Islam turut memberi tumpuan dan menyokong peralihan Malaysia ke arah penggunaan tenaga bersih dengan membiayai projek tenaga boleh diperbaharui seperti solar dan hidro. Usaha ini seiring dengan matlamat Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Nasional (NETR) untuk mencapai pelepasan sifar bersih menjelang 2050. Penglibatan aktif Bank Islam dalam sektor ini, termasuk sektor penting seperti pembuatan dan perladangan mencerminkan komitmennya terhadap pembangunan mampan negara, pada masa sama, selaras dengan piawaian kawal selia global dan amalan terbaik industri.

Di samping kemampanan alam sekitar, inisiatif kewangan hijau Bank Islam merupakan pemacu teguh yang membawa kepada pertumbuhan ekonomi yang inklusif. Bank memupuk penciptaan pekerjaan, menyokong perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS), perniagaan tani dan komuniti yang kurang mendapat perkhidmatan. Usaha ini memacu pembangunan luar bandar, meningkatkan mata pencarian, dan menggalakkan ekonomi Malaysia yang lebih saksama dan berdaya tahan.

Teras pendekatan Bank Islam adalah proses penilaian risiko yang kukuh bagi memastikan setiap keputusan pembiayaan sejajar dengan prinsip Syariah-Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG). Bank menilai secara menyeluruh profil pelanggan, amalan pengurusan dan pensijilan kemampuan sebelum meluluskan pembiayaan. Proses yang ketat ini menjamin bahawa pelaburan Bank mengurangkan risiko alam sekitar dan sosial serta menyumbang kepada pertumbuhan jangka panjang yang bertanggungjawab.

"Komitmen kami terhadap kewangan hijau bukan sekadar pematuhan kawal selia tetapi usaha untuk mewujudkan perubahan positif yang akan membentuk ekonomi Malaysia untuk generasi akan datang," kata Dato' Mohd Muazzam Mohamed, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Bank Islam. "Dengan memberi tumpuan kepada penyelesaian pembiayaan mampan, kami bukan sahaja menyokong industri penting demi masa depan Malaysia, seperti tenaga boleh diperbaharui dan pembuatan, tetapi juga memastikan kami melindungi alam sekitar untuk generasi akan datang."

Mengukuhkan lagi komitmen terhadap kemampuan, Bank Islam baru-baru ini menjadi bank pertama di Malaysia yang melahirkan 86 Penasihat Kewangan Hijau Bertauliah (CGFA) melalui program latihan komprehensif yang dibangunkan dengan kerjasama Asian Banking School.

Dengan Malaysia berusaha ke arah masa depan yang lebih mampan, Bank Islam terus memajukan kewangan hijau, pertumbuhan ekonomi yang bertanggungjawab dan peralihan tenaga bersih.

---

**Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad (No. Pendaftaran Syarikat [198301002944(98127-X)])**

Bank Islam adalah institusi perbankan Islam pertama di Malaysia yang disenaraikan di Papan Utama, Bursa Malaysia Berhad. Ditubuhkan pada bulan Julai 1983, Bank Islam mempunyai 135 cawangan dan lebih 900 terminal layan diri di seluruh negara. Sebagai institusi perbankan Islam lengkap dan tulen, Bank Islam menyediakan penyelesaian perbankan runcit dan kewangan korporat yang mematuhi undang-undang dan prinsip Syariah dengan ketat. Bank Islam komited terhadap kemakmuran lestari dan nilai-nilai ESG dan merupakan peserta rasmi Rangkaian Kompak Global Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Malaysia dan Brunei. Anak-anak syarikat utama Kumpulan Bank Islam, BIMB Investment dan BIMB Securities menawarkan pelbagai perkhidmatan kewangan Islam, termasuk pelaburan dan pembrokeran saham. Untuk maklumat lanjut mengenai produk dan perkhidmatan kumpulan Bank Islam, layari [www.bankislam.com](http://www.bankislam.com).

Sila e-mel ke Hubungan Media Kumpulan Bank Islam di [media@bankislam.com.my](mailto:media@bankislam.com.my) untuk mendapatkan maklumat tambahan.